



# METODOLOGI PENULISAN HADIS KITAB NASA'IH AL-DINIYYAH OLEH ABDULLAH AL-HADDAD

(Methodology of Hadis Writing in Nasa'ih al-Diniyyah by Abdullah al-Haddad)

Arwansyah Kirin<sup>1</sup>, Savri Yansah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Department of Islamic Studies, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

<sup>2</sup>Institut Agama Islam Negeri Curup, Indonesia

## Article Progress

Received: 10 August 2023

Revised: 20 September 2023

Accepted: 11 November 2023

\*Corresponding Author:

Arwansyah Kirin.

Department of Islamic Studies, UTHM.

Email:

[arwansyah@uthm.edu.my](mailto:arwansyah@uthm.edu.my)

## Abstract

Abdullah al-Haddad was a great scholar of the 17th century who became a role model for later scholars. He produced works that are used as a guide by people in Indonesia, especially among Islamic boarding schools with traditional patterns. His famous work is *Nasa'ih al-Diniyyah wa al-Wasaya al-Imaniyah*. In this book, many of the Prophet's hadis are used as arguments (*hujjah*) but the status of the hadis is not explained whether they are authentic or otherwise. Therefore it is important to explain the methodology of writing the hadis contained in this book so that its status can be recognized as well as to measure the extent of his knowledge in the science of hadis. This study aims to explore the methodology of writing the hadis used by Abdullah al-Haddad in the *Nasa'ih al-Diniyyah*. The purpose of this study is to determine and analyze the methodology of writing the hadis used by Abdullah al-Haddad and reveal the extent of his knowledge and status as a scholar of hadis through his book, *Nasa'ih al-Diniyyah*. The study methodology used is document analysis through a descriptive analysis approach, explaining and analyzing the book as a whole, especially the methodology of writing the hadis. This study found that Abdullah al-Haddad used several methods of writing the hadis in his *Nasa'ih al-Diniyyah* including: (1) writing hadis without sanad (chain of transmission of the hadis) and hadis narrators, (2) writing hadis using the Rawi al-A'la and declare hadis narrators, (3) (writing hadis without sanad (chain of transmission of the hadis) and just declare hadis narrators, (4) (writing hadis using lafaz (sighat) Qala and Warada at the beginning of the hadis. This study found that Abdullah al-Haddad had good knowledge in the science of hadis although not proportional with well-known scholars. Besides that, it also can provide an understanding about the method of writing hadis by al-Zarnuji in his book *Ta'lîm al-Muta'allim* to the public.

**Keywords:** Abdullah al-Haddad; *Nasa'ih al-Diniyyah*; Metodology; Writing Hadis.

## PENDAHULUAN

Dunia Islam sangat kaya dengan ulama, cendikiawan dan intelektual dalam pelbagai bidang. Sumbangan mereka di dunia ilmu pengetahuan sangat besar untuk ummat Islam dari masa ke semasa. Namun sebahagian daripada sumbangan mereka tersebut belum disorot dan dikaji sebagai sumbangan akademik. Dengan demikian harta yang berharga ini akan tersembunyi bahkan akan hilang selamanya ditelan zaman. Untuk menghindari hal ini maka pengkaji berusaha membuka semula tabir keilmuan yang dimiliki oleh seorang ulama intelektual yang bernama Abdullah al-Haddad. Nama penuhnya adalah Imam al-'Allamah al-Sayyid 'Abd Allah Ibn 'Alwi Ibn Muhammad al-Haddad al-Husaini al-Yamani (Umar Rida Kahalah, T.th) lebih dikenali dengan Habib 'Abdullah al-Haddad. beliau merupakan seorang pendakwah, pengarang, *mursyid* (pembimbing spiritual) dan imam pada zamannya. Beliau dilahirkan di Subair, di tepi kota Tarim (Umar Ibrahim, 2001) Hadramaut, Yaman Selatan. Beliau lahir pada malam Kamis 5 hb Safar 1044 H bertepatan dengan 1634 M (Umar Rida Kahalah, T.th). Ayahnya bernama Sayyid 'Alwi Ibn Muhammad al-Haddad, seorang yang saleh dan dibesarkan dalam keluarga Bani 'Alawi di Tarim. Ibunya pula bernama Salma, cucu kepada al-Arif Billah Sayyid

Ahmad Ibn Muhammad al-Habsyi. Abdullah al-Haddad dibesarkan oleh kedua orang tuanya terutama setelah berumur empat tahun memandangkan kedua matanya buta akibat penyakit cacar.

Namun begitu, beliau berhasil menghafal seluruh al-Qur'an semenjak kecil lagi, selain itu beliau juga mempelajari buku-buku karangan imam al-Ghazali yang memang disukai oleh masyarakat di sana. Pengaruh daripada buku al-Ghazali inilah yang membawanya kepada kesufian yang kuat (Muhammad al-Baqir, 1993). Selain itu beliau juga diarahkan oleh ayahnya untuk mempelajari ilmu syariat seperti ilmu tafsir, hadis, fiqh, tarikh dan sebagainya di bawah bimbingan beberapa guru pada zamannya di antaranya ialah al-'Allamah al-Sayyid Muhammad Ibn 'Alawi Ibn Abi Bakar al-Sagaf, al-Sayyid 'Aqil bin 'Abd al-Rahman al-Sagaf, al-'Allamah Sahl bin Ahmad Bahasan, al-'Allamah 'Abd al-Rahman bin Syaikh Maula Aidid Ba'alawi, al-'Allamah 'Umar bin 'Abd al-Rahman al-Attas, Sayyid Syaikhan ibn Imam al-Husain ibn Salim, al-Faqih Ba Jubair dan lain-lain. Menurut keterangan daripada 'Abdullah al-Haddad dalam kitabnya yang berjudul *Tatsbit al-Fu'ad*, bahawa beliau pernah berguru kepada hampir seratus orang ulama (Muhammad al-Baqir, 1993). Namun yang paling berpengaruh dalam tumbuh kembangnya beliau menjadi tokoh sufi ialah Sayyid 'Umar ibn 'Abd al-Rahman al-Attas dan Sayyid Muhammad ibn 'Alawi al-Sagaf (Umar Ibrahim, 2001). Ketika beliau berumur 17 tahun, beliau suka melakukan *uzlah* dan tinggal di Masjid al-Hujairah untuk melakukan ibadah dan mengkaji kitab-kitab. Melihat itu ramailah orang datang untuk belajar dan menuntut ilmu kepadanya, akhirnya beliau mengatur waktu-waktu tertentu untuk belajar dan mengajar (Umar Ibrahim, 2001).

Ketika al-Faqih Ba Jubair (salah seorang gurunya) pulang dari India, beliau melihat Abdullah al-Haddad telah menguasai pelbagai ilmu agama maka sang guru tanpa segan untuk ikut belajar kepada muridnya itu. Beliau meminta agar diajarkan tentang *Hizb al-Birr* (suatu amalan semacam zikir), dan juga mempelajari kitab *al-Ihya'* di bawah bimbingan Abdullah al-Haddad. Hal ini tidak hanya dilakukan oleh al-Faqih Ba Jubair, namun terdapat juga beberapa imam dan *masyayikh* yang menjadi murid 'Abdullah al-Haddad (Umar Ibrahim, 2001). Para pengikut mazhab Syafi'i khususnya di Yaman berkeyakinan bahawa Abdullah al-Haddad adalah *mujaddid* (pembaharu) pada abad 12 H. Pendapat ini diutarakan oleh Ibnu Ziyad seorang ahli fiqh terkemuka di Yaman yang fatwa-fatwanya disejajarkan dengan tokoh fiqh seperti Imam Nawawi (Abd Allah al-Haddad, 2002). Abdullah al-Haddad meninggal dunia pada malam Selasa 7 Zulqa'dah 1132 H dalam usia delapan puluh delapan tahun. Dia di kuburkan di Zambal iaitu di kawasan kuburan ahli keluarga dan nenek moyangnya (Hamid al-Husaini, 1999).

Semenjak muda lagi Abdullah al-Haddad telah menyibukkan diri mengajar dan berdakwah (Muhammad al-Baqir, 1993). Untuk menuangkan pemikirannya dalam bentuk tulisan, beliau tidak melakukannya sendirian memandangkan beliau seorang yang buta semenjak kecil, maka beliau menulis dengan bantuan pada murid-muridnya. Abdullah al-Haddad membacakan (*imla'*) ucapan-ucapannya kepada sang murid lalu sang murid menuliskan dan membacakan kembali di hadapan beliau, jika terdapat kesalahan maka Abdullah al-Haddad betulkan (Idrus Abd Allah, 2003). Pada umur 25 tahun beliau telah mampu menghasilkan sebuah karya yang menghimpun beberapa hal yang dianggap penting untuk disampaikan kepada masyarakatnya. Buku tersebut diberi nama *Risalah al-Muzakarah ma'a al-Ikhwan al-Muhibbin min Ahl al-Khair wa al-Din* (Umar Ibrahim, 2001) Karya-karyanya yang lain di antaranya: *Risalah al-Mu'awanah wa al-Muzaharah wa al-Mu'azarah li al-Raghibina min al-Mu'minina fi Suluki Tariq al-Akhirah, Al-Nasâ'ih al-Diniyyah wa al-Wasaya al-Imaniyyah, al-Da'wah al-Tammah wa al-Tazkirat al-'Ammah, al-Majmû', Al-Fusul al-'Ilmiyyah wa al-Usul al-Hikamiyyah, Ittihaf al-Sa'il bi Jawab al-Masa'il, Sabil al-Azkar bima Yamurru bi al-Insan wa Yanqadi lahu min al-A'mar, al-Nafa'is al-'Ulviyyah fi al-Masa'il al-Suffiyyah, Risalah Adab al-Suluk al-Murid, al-Fatawa, al-Durru al-Manzum li Zawi al-'Uqul wa al-Fuhum, al-Hikam, Tatsbit al-Fu'ad bi Zikri Kalâm al-Qutb.* (Hamid al-Husaini, 1999 & Umar Rida Kahalah, T.th).

Sebagai seorang penulis yang produktif dalam menuangkan hasil pemikiran. Maka, Karya-karya beliau menyebar luas di negaranya (Hadramaut) bahkan ke negera Islam yang lain seperti di Jazirah Arab, Afrika, Eropa dan Asia, termasuklah Indonesia (Hamid al-Husaini, 1999). Karya-karya beliau sering dijadikan inti pembahasan, bahkan menjadi rujukan dalam kegiatan belajar dan mengajar di pesantren tradisional terutama di pulau Jawa (Martin Van Bruinessen, 1995, Mastuhu, 1994 & Masdar F. Mas'udi et.al., 1986). Di antara karya beliau yang terkenal itu adalah kitab *al-Nasa'ih al-Diniyyah wa al-Wasaya*

*al-Imaniyyah* yang dikenali sebagai *al-Nasa'ih al-Diniyyah* ertinya nasihat-nasihat agama dan wasiat-wasiat iman. Kitab ini mengandungi akidah, hukum dan akhlak terpuji yang harus diteladani. Beliau juga menerangkan tentang dasar dakwah ke jalan Allah dan tata cara menunaikan hak-hak Allah disertai dengan ayat-ayat al-Qur'an, Hadis Nabi, perkataan para sahabat, dan perkataan ulama salaf. Kitab ini beliau tulis sebelum pergi ke Hijaz dan dibacakan kepadanya semasa di Makkah dan Madinah dan sempurna penulisannya ketika beliau sudah sampai ke negeri asal (Tarim) pada 22 hb Sya'ban 1089 H (Umar Ibrahim, 2001 & Hamid al-Husaini, 1999). Menurut penulis kitab ini lebih mirip dengan ringkasan kitab *Ihya Ulum al-Din* karya Imam al-Ghazali. Pembahasan dan huraianya ditulis dengan bahasa yang sederhana namun memiliki kekuatan argumentasi yang logik dan benar. Huraian kalimatnya mudah dipahami dan dikuatkan oleh dalil-dalil.

'Abdullah al-Haddad juga sering mengutip perkataan Imam al-Ghazali dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah*. Pernyataan ini didukung oleh suatu riwayat daripada Imam al-Haddad, beliau berkata, "Beberapa ulama Makkah dan Madinah mengatakan bahawa buku *al-Nasa'ih al-Diniyyah* hampir sama dengan kitab *Ihya'*, kemudian saya jawab benar sepertimana yang anda lihat (Hamid al-Husaini, 1999). Bila memang benar demikian, maka beliau telah berjasa besar dalam menyederhanakan pikiran-pikiran al-Ghazali hingga dapat dipahami oleh semua lapisan masyarakat dengan mudah (Umar Ibrahim, 2001 & Hamid al-Husaini, 1999). *Kitab al-Nasa'ih al-Diniyyah* ini hanya satu jilid dan dicetak di atas kertas berwarna kuning berjumlah 99 halaman termasuklah daftar isinya. Kitab ini terdiri daripada 19 bab menceritakan tentang akidah, ibadah, hukum, akhlak dan sebagainya. Dalam pembahasan setiap bab Abdullah al-Haddad mengemukakan hasil fikirannya kemudian dikuatkan dengan ayat-ayat al-Qura'an, hadis Nabi, perkataan sahabat dan tabiin, perkataan ulama salaf, dan juga bait-bait sya'ir. Selain itu terkadang beliau juga memasukkan hikayat-hikayat pada setiap tema pembahasan.

Hadis-hadis yang terdapat dalam buku ini kurang lebih 776 hadis bermula daripada bab pertama hingga bab terakhir. Di antara hadis-hadis tersebut penulis temui hanya 9 hadis sahaja yang dijelaskan sumber asalnya oleh 'Abdullah al-Haddad, sementara bakinya iaitu 767 hadis belum diketahui darimana sumber asalnya. Bahkan dalam penyebutan ayat-ayat al-Qur'an pun, beliau tidak menyebutkan nama surah dan letak ayatnya dalam *mushaf*, sehingga jika hanya berpegang kepada kitab aslinya akan sulit dan susah bagi pembaca untuk mengetahui nama surah daripada ayat yang disebutkan, begitu juga sumber dan hukum serta metodologi daripada hadis-hadis dalam kitab tersebut. Majoriti hadis-hadis yang ditulis tanpa menyebutkan sanad, perawi bahkan hanya menggunakan beberapa sifat di awal hadis. Hal ini menunjukkan bahawa penulisan hadis-hadis yang terdapat dalam kitab perlu dijelaskan semula terutama para pengkaji yang datang kemudian, agar memudahkan bagi pembaca untuk mengenal pasti kualiti dan sumber asal bagi sesebuah hadis tersebut. Menurut Martin Van Bruinessen, kitab ini adalah salah satu daripada beberapa kitab tasawuf yang dijadikan rujukan dan menjadi buku pedoman dalam kegiatan belajar dan mengajar di beberapa pondok pesantren, terutama yang berada di pulau Jawa (Martin Van Bruinessen, 1995). Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengulas metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* oleh Abdullah al-Haddad.

## METODOLOGI DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian artikel ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kaedah kepustakaan. Reka bentuk yang dipilih adalah analisis kandungan buku *Nasa'ih al-Diniyyah*. Sumber kedua adalah buku-buku, jurnal, majalah, makalah-makalah dan sumber lain yang sesuai seperti disertasi master atau thesis Phd. Dalam kajian ini penelitian difokuskan kepada kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* yang ditulis oleh Abdullah al-Haddad. Kitab tersebut mengandungi 776 hadis, tujuan memilih buku ini adalah agar dapat mengetahui informasi tentang metode penulisan hadis yang terdapat dalam buku tersebut.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian daripada kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* akan dibentangkan dalam jadual berikut:

No	Aspek Perbincangan	Kitab <i>Nasa'ih al-Diniyyah</i>
1	<b>Aspek penulisan sanad</b>	1. Menggunakan kaedah penulisan hadis tanpa <i>Sanad</i> dan perawi ( <i>Mukhrij al-Hadis</i> ) yang mengeluarkan hadis tersebut. 3. Menulis hadis tanpa sanad dan hanya menambahkan <i>Rawi al-A'la</i> diperangkat Sahabat serta menyatakan perawi ( <i>Mukhrij al-Hadis</i> ). 3. Menulis hadis tanpa sanad dan hanya menyatakan perawi ( <i>Mukhrij al-Hadis</i> ) sahaja.
2	<b>Aspek penggunaan <i>lafaz</i> dan <i>sighat</i> dalam riwayat hadis</b>	1. Menggunakan <i>lafaz</i> atau <i>sighat</i> (قال <i>Qala</i> ). 2. Menggunakan <i>lafaz</i> atau <i>sighat</i> (ورد <i>Warada</i> ).

1.0: Jadual dapatan kajian metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* oleh Habib Abdullah al-Haddad

### Perbincangan

Berdasarkan jadual di atas di dapati bahawa terdapat beberapa metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* oleh Abdullah al-Haddad. Perbincangan berkaitan perkara ini seperti berikut:

#### 1. Aspek penulisan *sanad*.

Daripada jadual di atas, Abdullah al-Haddad menggunakan tiga metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* iaitu:

**Pertama:** menulis hadis tanpa *Sanad* dan perawi (*Mukhrij al-Hadis*) yang mengeluarkan hadis tersebut. Contohnya adalah seperti hadis di bawah ini (Abdullah al-Haddad, 1999) :

اللهم اعوذ برضاك من سخطك وبعفافتك من عقوبتك واعوذ بك منك لا أحصى ثناء عليك أنت كما أثنيت على نفسك

**Kedua:** Menulis hadis tanpa sanad dan hanya menambahkan *Rawi al-A'la* diperangkat Sahabat serta menyatakan perawi (*Mukhrij al-Hadis*). contohnya ialah seperti hadis di bawah ini (Abdullah al-Haddad, 1999).

عن جابر بن عبد الله رضي الله عنهما قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: إن ابن آدم لغى غفلة عمما خلق له. إن الله اذا اراد خلقه قال للملك اكتب رزقه، اكتب أثره، اكتب اجله، اكتب شقيا ام سعيدا. ثم يرتفع ذلك الملك ثم يوكل الله به ملكين يكتبهان حسناته وسيأته فإذا حضره الموت ارتفع ذانك الملائكة وجاء الملك الموت ليقبض روحه الى اخر الحديث.....وقال أخرجه ابن أبي الدنيا وابو نعيم.

**Ketiga:** Menulis hadis tanpa sanad dan hanya menyatakan perawi (*Mukhrij al-Hadis*) sahaja. contohnya ialah seperti hadis di bawah ini (Abdullah al-Haddad, 1999).

وقال عليه الصلاة والسلام: الدين النصيحة قالوا: من يا رسول الله؟ قال الله ولكتابه ولرسوله ولأئمة المسلمين وعامتهم (رواه مسلم)

Daripada aspek pertama ini menunjukkan bahawa metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* oleh Habib Abdullah al-Haddad majoriti adalah tanpa menyebutkan sanad dan perawi hadis. Dalam analisis penulis didapati 7 hadis sahaja yang ditulis menggunakan *Rawi al-A'la* dan perawi hadis iaitu pada bab terakhir (*khatimah*) dan 2 hadis dalam *muqaddimah* hanya menyatakan perawi (*mukhrij hadis*) sahaja tanpa *rawi al-A'la*. Penulisan hadis seperti ini selari dengan metode yang banyak digunakan oleh ulama-ulama di Nusantara pada abad ke 14 (Badri Khaeruman, 2017). Menurut kajian

Ahmad Levi metode penulisan hadis tanpa *sanad* oleh ulama Nusantara pada masa ini bukanlah bermakna ulama-ulama ketika itu mengabaikan kepentingan *sanad*. Namun ianya bertujuan untuk meringkaskan penulisan agar lebih mudah dan fokus dalam diskusi dan perdebatan (Ahmad Levi & Jawiyah Dakir, 2012). Hal ini pernah diungkapkan oleh seorang ulama Nusantara iaitu shaykh Nawawi al-Bantani dalam muqaddimah kitab *Tanqih al-Qaul* yang mana beliau menyebutkan bahwa :

فَحَذَفْتُ الْأَسَانِيدَ لِلإِخْتَصَارِ

Maksudnya: Saya menghapus sanad-sanad hadis untuk meringkaskan penulisan (Muhammad Nawawi al-Banteni, T.th).

Abdullah al-Haddad juga menyebutkan dalam muqaddimah kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* (Abdullah al-Haddad, 1999) bahawa kitab ini disusun dengan kata-kata atau ungkapan-ungkapan yang mudah sehingga senang dipahami dan dikonsumsi oleh seluruh kaum muslimin sama ada masyarakat awam maupun kaum terpelajar. Daripada ungkapan beliau itu dapat dipahami bahawa tujuan beliau dalam pengutipan hadis tanpa menyebutkan sumber asal maupun *sanad-sanadnya* bukan sebagai inti pembahasan kitab namun sebagai pendukung daripada beberapa tema yang beliau kemukakan dalam kitab.

Penulisan hadis tanpa *sanad* bukan hanya terdapat dalam bidang hadis sahaja, dalam bidang tafsir juga banyak digunakan oleh mufassir terutama mufassir melayu (Nusantara) ketika mereka meletakkan hadis-hadis sebagai penyokong bagi ayat-ayat al-Quran yang mereka tafsirkan misalnya H. Zainuddin Hamidy dalam karyanya *Tafsir Qur'an*, Abd Ra'uf al-Fansuri dalam karyanya *Tarjuman al-Mustafid* dan Haji Abd al-Halim Hasan dalam *Tafsir al-Qur'an al-Karim* (Parlindungan Simbolon, 2013). *Sanad* atau *Tariq* ialah rangkaian riwayat yang menghubungkan matan hadis kepada Nabi saw (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1975). *Sanad* adalah suatu keistimewaan umat Islam yang tidak ada pada umat-umat terdahulu. Prihatin terhadap *sanad* dalam menyampaikan berita (hadis) adalah suatu sunnah yang amat dituntut dan merupakan suatu syiar umat ini. Oleh yang demikian wajiblah setiap Muslim bersandar kepada *sanad* dalam menyampaikan hadis begitu juga dalam menulis hadis. Peletakan *sanad* dalam penulisan dan pengkajian hadis pada amnya bukan hanya berfungsi untuk mengesahkan kedudukan hadis sahaja tetapi ianya juga berfungsi sebagai nilai spiritual (Arif Chasanul Muna, 2016). Oleh itu penulisan *sanad* dalam sesebuah hadis akan memudahkan untuk mengesan apakah hadis tersebut *Marfu*, *Mawquf* atau *Maqtu'*, apakah ianya hadis *Sahih*, *Da'if* atau *Mawdu'*. Jika ianya tidak ditulis maka akan sukar untuk memastikan kesahihan dan keda'ifan sesebuah hadis tersebut (Faizuri Abdul Latif & Ahmad Faisal Abdul Hamid, 2009).

Ibn al-Mubarak pernah mengatakan : *sanad* adalah sebahagian (syiar) agama, kalaularah tidak kerana adanya *sanad* niscaya orang akan berkata apa saja yang mereka mahu (Muslim bin Hujjaj al-Qusayri, 1924) dan yang memisahkan antara kami dengan golongan yang tidak dapat dipercaya riwayatnya adalah *sanad* (Muslim bin Hujjaj al-Qusayri, 1924). al-Nawawi (pengarang kitab *Arba'in al-Nawawi*) ketika mengomentari pernyataan Ibn al-Mubarak di atas mengatakan bahwa bila *sanad* hadis berkualiti *sahih* maka hadis itu dapat diterima sedangkan bila tidak *sahih* maka harus ditinggalkan. Beliau menyatakan bahawa hubungan hadis dengan sanadnya semisal hubungan antara haiwan dengan kakinya, oleh itu keduanya tidak boleh dipisahkan sama ada semasa menyampaikan hadis maupun semasa menuliskan hadis (Muslim bin Hujjaj al-Qusayri, 1924). al-Thawri juga pernah berkata bahwa *sanad* adalah senjata orang mukmin, jika pada diri orang mukmin tidak ada senjata maka dengan apa dia akan menghadapi perperangan (Nur al-Din al-'Itr, 1979), al-Awza'i mengatakan bahwa hilangnya pengetahuan hadis tidak akan terjadi kecuali jika *sanad* haditnya hilang (Nur al-Din al-'Itr, 1979). Begitu pentingnya *sanad* dalam menyampaikan hadis dan juga dalam penulisan. Kepentingan *sanad* dan nilainya akan dapat dirasakan oleh orang yang mengkaji *rijal* sesebuah hadis setelah mengkjajinya di dalam kitab-kitab yang menjelaskannya. Kepentingannya adalah seiring dengan kepentingan mengetahui *Ittisal* dan *Inqita'* sesebuah hadis itu, kalau tidak demikian niscaya sukar atau mustahil untuk membezakan mana hadis yang *sahih* dan mana hadis yang palsu dan akan beranalah para pendusta untuk mereka-reka hadis (Mahmud al-Tahhan, 1996). Oleh itu untuk mengetahui semua perkara tersebut masih perlu adanya kajian *takhrij* dan *dirasah asanid* terhadap sanad-sanad hadis ini, sehingga

kita mengetahui kedudukan hadis sebenar, sama ada ianya boleh diterima sebagai hujah atau tidak, sama ada ianya boleh diamalkan ataupun tidak.

## 2. Aspek penggunaan *lafaz* dan *sighat* dalam riwayat hadis.

Jadual di atas menunjukkan bahawa dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* oleh Abdullah al-Haddad menggunakan dua metode iaitu :

**Pertama:** Menggunakan *lafaz* atau *sighat* (قال *Qala*). Contohnya seperti hadis di bawah ini (Abdullah al-Haddad, 1999).

قال ﷺ: حضر مجلس علم أفضل من صلاة ألف ركعة وعيادة ألف مريض وحضور ألف جنازة

**Kedua:** Menggunakan *lafaz* atau *sighat* (ورد *Warada*). Contohnya seperti hadis di bawah ini (Abdullah al-Haddad, 1999).

ورد عن النبي ﷺ انه قال: لا يلتج النار من بكى من خشية الله حتى يعود اللbn في الضرع وحتى يلتج الجمل في سم الخياط

Daripada aspek kedua ini Habib Abdullah al-Haddad menggunakan *lafaz* atau *sighat Warada* dan *Qala* pada sebahagian awal hadis dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* sedangkan *lafaz* dan *sighat* lain tiada ditemui. Dalam analisis penulis kekadang beliau menggunakan *lafaz Qala* pada hadis yang berkualiti *Da'if*, *Mawdu'* dan *Sahih* begitu juga dengan *lafaz Warada*. Oleh itu tiada keteguhan daripada penulis kitab untuk meletakkan *lafaz* atau *sighat* pada hadis-hadis yang beliu tuliskan. Kaedah penulisan hadis yang menggunakan *sighat Ruwiya*, *Qala*, *Fi al-Riwayah*, *Qauluhu Nabi saw*, sudah boleh diketahui bahawa ianya adalah hadis *Marfu'* tetapi belum diketahui status hukum hadis secara pasti apakah ianya *sahih*, *hasan* ataupun *da'if*. Sedangkan kaedah penulisan hadis dengan *sighat* atau *lafaz* yang lain daripada itu maka masih sukar untuk mengetahui status dan sumber asal hadis apakah ianya *marfu'*, *mawquf* atau *maqtu'* apakah ianya hadis *sahih*, *hasan* ataupun *da'if*, oleh itu perlu diadakan kajian *takhrij* secara mendalam. Dalam kaedah penulisan hadis dikenal adanya *Sighah Tamrid* artinya adalah isyarat akan lemahnya sesbuah hadis yang dibina dengan *Majhul* iaitu dengan kata kerja pasif seperti (بُرُوئِي), (يُقَالُ)، (يُحَكَّ)، (يُتَكَرَّرُ)، (يُقَدَّمُ)، (أَوْ وَرَدَ عَنْهُ كَذَا)، (جَاءَ أَوْ عَنْهُ كَذَا)، (نَفَقَ عَنْهُ).

Sedangkan *Sighah Jazam* adalah isyarat akan *kesahihan* atau *kehasanan* suatu hadis yang dibina dengan *Ma'lum* iaitu kata kerja aktif seperti: (قال رسول الله، يقول رسول الله، روی عن رسول الله) (Jalal al-Din al-Suyuti, 1996).

Al-Imam al-Nawawi mengatakan bahawa *sighah jazam* adalah digunakan untuk hadis *sahih* dan *hasan* dan tidak boleh dipakai pada hadis *da'if*. Beliau juga mengatakan bahawa *Sighah Jazam* yang dipakai pada hadis *sahih* dan *hasan* tidak semestinya hadis itu mutlak *sahih* dengan keberadaan *sighat* boleh jadi sebaliknya dan mesti dilihat kepada siapa perawi yang menyandarkan hadis tersebut (Abu Zakariya Muhy al-Din al-Nawawi, 1996). Tidak semua berita yang disampaikan oleh Sahabat Nabi dengan *sighat* di atas adalah hadis Nabi, berita itu ada yang berstatus hadis *marfu'* ada yang *maqtu'* dan ada pula *mawquf*. Untuk mengetahui itu perlu adanya penelitian dan analisis *takhrij* terhadap hadis tersebut.

Daripada keterangan di atas dapat diketahui bahawa Habib Abdullah al-Haddad telah menggunakan dua *sighat* atau *lafaz* pada permulaan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* sama ada *Sighat Jazam* mahupun *Sighat Tamrid*, sedangkan *lafaz* atau *sighat* yang lain tiada ditemui dalam kitab. Walau bagaimanapun sebagai seorang penulis buku yang didalamnya terdapat pelbagai hadis maka perlulah menghayati apa yang dikatakan oleh Dr.Mahmud al-Tahanan: sepantasnya bagi penulis hadis mencurahkan kesungguhannya dalam menulis harakat dan titik serta menjaganya dari campur-aduk. Memberikan harakat terutama nama-nama kerana tidak diketahui apa harakat sebelum maupun sesudahnya. Hendaklah menulis dengan tulisan yang jelas dan sesuai dengan kaidah penulisan hadis pada amnya. Dan hendaklah tidak membuat istilah sendiri dengan istilah khusus berupa singkatan yang

tidak diketahui oleh orang banyak (Mahmud al-Tahhan, 1987). Oleh itu perlu ke hati hatian dalam menuliskan sesebuah hadis sama ada dalam bentuk buku mahupun lembaran-lembaran.

## KESIMPULAN

'Abdullah al-Haddad adalah seorang ulama dan imam pada zamannya yang menjadi tempat rujukan bagi siapa saja dalam menuntut ilmu-ilmu keagamaan. Beliau juga dikenal sebagai seorang penulis yang sangat produktif dalam menuangkan pemikiran-pemikirannya. Karya-karya beliau telah menyebar luas tidak hanya di Hadramaut sahaja, tetapi juga ke negera lain terutama di Jazirah Arab, Afrika, Eropa dan Asia, termasuklah Indonesia. Salah satu karya beliau iaitu kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* banyak diguna pakai di Indonesia dan menjadi rujukan hingga ke hari ini. Dalam kajian ini, metodologi penulisan hadis yang digunakan oleh Abdullah al-Haddad dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* adalah majoriti tidak meletakkan sanad dan perawi hadis serta menggunakan beberapa lafaz atau sighat sama ada Jazm mahupun Tamrid. Penggunaan metodologi ini menunjukkan bahawa beliau memiliki pengetahuan yang baik dalam bidang hadits walaupun tidak setanding dengan ulama hadits ternama. Hal ini dapat dipahami bahawa tujuan beliau dalam pengutipan hadis tanpa menyebutkan sanad dan sumber asalnya bukan sebagai inti pembahasan kitab namun sebagai pendukung daripada beberapa tema yang beliau kemukakan. Kajian ini dapat memberikan implikasi yang positif terhadap masyarakat di antaranya mendedahkan tentang metode penulisan hadis dalam kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* oleh Abdullah al-Haddad. Selain itu, ia juga dapat membentuk sifat berhati-hati dalam merujuk kepada karya yang mengandungi hadits Nabi Muhammad SAW. Perkara ini dapat digunakan secara praktikal dalam pengajaran dan amalan masyarakat Islam khususnya di Indonesia dan Malaysia kerana kitab *Nasa'ih al-Diniyyah* ini digunakan secara meluas di pesantren dan pengajian pondok bahkan inti patinya bersesuaian dengan amalan masyarakat Islam di Nusantara.

## RUJUKAN

- Abdullah al-Haddad. (2002). *Tanya Jawab Sufistik*, terj. Novel Muhammad. Solo : Putera Riyadi.
- Abdullah al-Haddad. (1999). *Nasa'ih al-Diniyyah Wa al-Wasaya al-Imaniyah*. T.tp : Dar al-Hawiy.
- Abdullah al-Haddad. (T.th). *Muqaddimah Kitab al-Nasa'ih al-Diniyyah wa al-Wasaya al-Imaniyah*. Semarang : Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ahmad Levi Fakhrul Avivy & Jawiyah Dakir. (2012). Methodology of Writing Hadis in the Works of Muhammad Nawawi al-Bantani. *Journal of Applied Sciences Research* 8 (4): 2187-2192.
- Arif Chasanul Muna. (2016). "Penulisan Kitab al-Sabat dalam Kajian Hadis di Nusantara". Kertas pembentangan, 1st ASILHA International Conference: Hadis Studies and Its Contribution for Indonesia and Muslim World di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Al-Banteni, Muhammad Nawawi. (T.th). *Nasa'ih al- 'Ibad fi Bayan Alfaz Munabbihat 'Ala al-Isti 'dad li Yawm al-Ma 'ad*. Indonesia: Dar Ihta' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-'Itr, Nur al-Din al-'Itr. (1979). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadis*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Khatib, Muhammad Ajjaj. (1975). *Usul al-Hadis 'Ulumuh wa Mustalahuh*. Cet. ke-3, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhy al-Din. (1996). *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*, tahqiq: Mahmud Matraji. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qushayri, Muslim bin Hajjaj. (1924). *Sahih Muslim bi Syarh al- Nawawi*. Mesir: Matba'ah Misriyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (1996). *Tadrib al- Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*, tahqiq: Ahmad 'Umar Hasim. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Tahhan, Mahmud Ibn Ahmad. (1996). *Usul al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Tahhan, Mahmud Ibn Ahmad. (1987). *Taysir Mustalah al-Hadis*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Badri Khaeruman. (2017). Perkembangan hadis di Indonesia pada abad XX. *Diroyah: Jurnal Ilmu Hadis* 1 (2): 187-202.
- Faizuri Abdul Latif dan Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2009). Tradisi Penulisan Hadis dalam Karya Ulama'Melayu: Kajian Terhadap Kitab 'Aqidah al-Najin'. *Jurnal Usuluddin* 30 (2009), 91-110.
- Hamid al-Husaini. (1999). *Al-Imam Habib 'Abdullah ibn 'Alwi al-Haddad : Riwayat, Pemikiran, Nasihat dan Tarekatnya*. Bandung : Pustaka Hidayah.
- Idrus Abdullah. (2003). *Bisikan-bisikan Illahi*. Bandung : Pustaka Hidayah.
- Martin Van Bruinessen. (1995). *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat*. Bandung : Mizan.
- Masdari F. Mas'udi et.al. (1986). *Direktori Pesantren I*. Jakarta : P3M.
- Mastuhu. (1994). *Dinamika Sistem Pendidikan Pesantren*. Jakarta : INIS.
- Muhammad al-Baqir. (1993). *Sayyid 'Abdullah al-Haddâd : Sebuah Tinjauan Singkat Mengenai Riwayat Hidup, Pikiran dan Karyanya* dalam Jurnal al-Hikmah, edisi 10 Muharram - Rabî' al-Awwal 1414 H. Bandung : Yayasan Muthahhari.
- Parlindungan Simbolon. (2013). Metode Penulisan Hadis dalam Tafsir Bahasa Melayu: Kajian Perbandingan Antara Tafsir al-Misbah dan Tafsir Pedoman al-Muttaqin. Disertasi, Universiti Malaya.
- Umar Ibrahim. (2001). *Thariqah 'Alawiyah : Napak Tilas dan Studi Kritis atas Sosok dan Pemikiran 'Allamah Sayyid 'Abdullah al-Haddad*. Bandung : Mizan.
- 'Umar Rida Kahalah. (T.th). *Mu'jam al-Mu'allifin Tarajim Musannif al-Kutub al-'Arabiyyah*. Beirut : Dar Ihya' al-Turats.